

**SILA SERTAKAN BERSAMA:-**

- 1. Surat Permohonan (Rasmi).
- 2. 3 Set Pelan Lokasi.
- 3. Borang Permohonan dan Pengiraan
- 4. Salinan Sijil Syarikat (Jika Ada)
- 5. Salinan Kad Pengenalan (Permohonan Individu)



**BORANG PERMOHONAN DAN PENGIRAAN BAYARAN PERMIT  
PENGOREKAN JALAN  
MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG**

Bil. Kami : Tarikh :

**Yang Dipertua,  
Majlis Perbandaran Manjung,  
Jalan Pinang Raja,  
32040 Seri Manjung,  
Perak Darul Ridzuan.**  
(u.p. : Jabatan Kejuruteraan dan Penyelenggaraan)

Tuan,  
Merujuk kepada perkara di atas, pihak kami memohon kelulusan untuk menjalankan kerja-kerja berikut :

MAKLUMAT PEMOHON		
Nama		No. Kad Pengenalan :
Syarikat		
Alamat		
Pegawai ditapak kerja		
Jawatan		
No. Tel :	No. Tel Pej:	No Tel Rumah:

MAKLUMAT BUTIR KERJA			
Kerja Jalan		Meter Lebar	Meter Panjang
1.	Siarkaki Jalan		
2.	Kawasan Jalan (Carriageway)		
3.	Bahu Jalan (Side Table)		
4.	Penanaman Tiang		
5.	Cabinet / Feeder pillar		
6.	Naik Taraf Lurang (Manhole)		
Nama Jalan :			
Nama Taman/Kawasan			
Tarikh Permulaan kerja :		Tarikh siap kerja :	
Tarikh permulaan kerja adalah bermula daripada tarikh bayaran dibuat.			

\* Kerja pengorekan jalan hanya boleh dimulakan setelah permit pengorekan jalan diluluskan

**PK-MPM-JKJ-001/RK01(Pin.2/23)**

Di dalam masa kerja dijalankan, pihak kami bertanggungjawab ke atas kerja tersebut serta memastikan keselamatan pengguna terjamin dan juga akan menyelenggara semula kawasan yang dikorek dengan menutup semula menggunakan bahan timbusan yang diluluskan oleh pihak Majlis Perbandaran Manjung. Jika kerja tersebut dibuat di kawasan jalan (carriageway), lubang gali yang dikorek itu akan dibaiki semula sehingga sempurna dan disahkan oleh pihak Majlis Perbandaran Manjung sebelum kerja premix dijalankan.

<b>MAKLUMAT KONTRAKTOR</b>		
<b>Nama</b>		<b>No. Kad Pengenalan :</b>
<b>Syarikat</b>		
<b>Alamat</b>		
<b>Pegawai ditapak kerja</b>		
<b>Jawatan</b>		
<b>No. Tel :</b>	<b>No. Tel Pej:</b>	<b>No Tel Rumah:</b>

Dipanjangkan untuk kelulusan dan pertimbangan tuan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

Saya yang benar,

(Tandatangan Pemohon)

Cap Jabatan / Syarikat

**PENANAMAN TIANG/KABEL/PAIP SALURAN**

1. Tiang, kabel atau paip hendaklah diletakkan tidak kurang daripada satu 1.5 meter dari tepi rizab jalan atau mengikut kesesuaian di tapak dalam kawasan rizab jalan. Talian atas yang menyeberangi jalan hendaklah tidak kurang daripada 6 meter tinggi dari muka jalan dan jaring keselamatan hendaklah diadakan.
2. Sekiranya syarat (1) di atas tidak dapat dipatuhi, maka kebenaran khas daripada Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Manjung hendaklah diperolehi dahulu sebelum memulakan sebarang kerja.
3. Pihak tuan dikehendaki memasang papan-papan tanda bagi jajaran tiang, kabel atau paip terlebih dahulu untuk Yang Dipertua memeriksa dan memberikan kelulusan sebelum kerja penanaman dapat dimulakan.
4. Dawai umbang (stay wire) tidak boleh digunakan di tempat yang lebih dekat di antara tiang elektrik dan tepi jalan.
5. Bagi kerja pembinaan yang merentangi jalan utama, hanya kaedah "*Horizontal Directional Drilling*" (HDD) atau setara dengannya dibenarkan. Namun, bagi kerja korekan jalan dengan trafik rendah, kaedah korekan terbuka adalah sebagai pilihan terakhir dibenarkan hanya dengan persetujuan Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Manjung.
6. Kaedah penanaman secara korekan terbuka di sepanjang bahu jalan dibenarkan kecuali yang melibatkan bahu jalan sempit dan tiada ruang mencukupi. Dalam keadaan ini, kaedah HDD atau setara dengannya boleh dipertimbangkan untuk digunakan.
7. Semua lintasan/jajaran di pavemen dan bahu jalan hendaklah disediakan rekabentuk oleh perunding kejuruteraan awam dan/atau perunding berkaitan yang bertauliah untuk persetujuan Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Manjung kecuali bagi permohonan kediaman individu.
8. Semua lintasan di bawah longkang perlu disediakan kaedah kerja dengan had dalam paip/kabel ditanam tidak kurang daripada 1 meter daripada paras bawah longkang tepi jalan.

9. Paip/kabel tidak dibenarkan menumpang pada struktur jambatan dan seharusnya dipasang tidak kurang 10-meter daripada tepi struktur berkenaan. Sebarang kos pengalihan dan pemasangan semula kemudahan utiliti yang terdapat di dalam kawasan rizab jalan ditanggung oleh pemohon.
11. Bagi korekan yang melibatkan bahu jalan tidak berturap, kerja-kerja menimbus dan memadat bahu jalan hendaklah dilaksanakan dengan segera. Rumput dan pokok landskap yang rosak dan mati hendaklah diganti dan ditanam semula. Penyeliaan terhadap tanaman semula tersebut hendaklah dilaksanakan sehingga tanaman itu hidup subur dan untuk tempoh tidak kurang daripada enam (6) bulan.

### **PEMBINAAN LURANG (MANHOLE)**

1. Semua lurang yang akan dibina hendaklah berada seberapa jauh di hujung *Right Of Way* (ROW) jalan dan hendaklah melebihi 3-meter daripada tepi pavemen atau bahu jalan berturap
2. Bagi lurang yang berada kurang 3-meter daripada tepi pavemen atau bahu jalan berturap, bahan lurang tersebut hendaklah dari jenis 'heavy duty' dan 'finishing level' perlu searas dengan jalan sedia ada. Rekabentuk dan cadangan pembinaan hendaklah mendapat persetujuan Yang Dipertua, MPM terlebih dahulu.
3. Penampalan di sekeliling lurang hendaklah menggunakan bahan jenis *Epoxy Cement* atau setaraf dengannya. Sekiranya didapati pihak pemohon gagal dan tidak mematuhi syarat tersebut, Majlis berhak melantik pihak ketiga bagi melaksanakan kerja-kerja berkenaan dan segala kos yang berkaitan dengan tambahan 5% akan ditanggung sepenuhnya oleh pihak pemohon.

## ROAD CROSSING

1. Semua kabel dan paip bawah tanah yang menyeberangi jalan, hendaklah dilakukan dengan cara 'tunnelling' (horizontal drilling). Cara pelaksanaan kerja adalah yang ditetapkan seperti berikut :-

- 1.1 **SYARAT-SYARAT BAGI KERJA-KERJA 'TUNNELLING' (HORIZONTAL DRILLING)**

- Dimana kabel atau paip bawah tanah yang menyeberangi jalan, cara 'tunnelling' hendaklah dilakukan dengan cara menanam kabel atau paip sedalam tidak kurang daripada satu (1) meter dari paras jalan.

2. Kerja-kerja pemotongan terbuka tidak dibenarkan **kecuali untuk paip atau kabel yang melebihi 375mm** yang mana cara 'tunnelling' tidak dapat dilakukan, Syarat-syarat kerja adalah seperti berikut:-

- 2.1 **SYARAT-SYARAT BAGI PEMOTONGAN TERBUKA (OPEN EXCAVATION) DI PAVEMENT JALAN**

- 2.1.1 Kerja-kerja pemotongan hendaklah dilakukan dengan cara 'clean-cut with diamond saw'.
    - 2.1.2 Hanya satu (1) pemotongan terbuka melintasi jalan dibenarkan pada setiap satu masa. Pemotongan lain akan hanya dibenarkan selepas kerja-kerja baikpulih selesai dijalankan dengan sempurna di lokasi rentangan pertama
    - 2.1.3 Yang Dipertua hendaklah berpuas hati dengan setiap kerja pemulihan yang dilakukan kepada jalan yang telah dipotong sebelum kebenaran untuk membuat pemotongan jalan yang lain diberikan.
    - 2.1.4 Kerja pemotongan terbuka hendaklah dibaiki sepenuhnya dengan serta merta seperti keadaan asal sebaik sahaja kerja tersebut siap dilaksanakan
    - 2.1.5 Kerja-kerja 'backfilling' di bawah pavement jalan hendaklah dilakukan hanya dengan pasir sahaja (pasir sungai/lombong) serta dimampat dengan sempurna dengan menggunakan 'hard compactor'. Lain-lain bahan tidak dibenarkan sama sekali. Semua bahan-bahan penambahan semula hendaklah berada di tapak bina sebelum kerja pengorekan dibenarkan.

- 2.1.6 *Mill and Pave* hendaklah dilakukan oleh pihak pemohon setelah semua kerja pembaikan tersebut siap atau pada tarikh tertentu apabila diarahkan oleh Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Manjung. *Mill and Pave* dengan kelebaran keseluruhan lebar jalan sehala yang terlibat atau tertakluk kepada arahan Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Manjung.
- 2.1.7 Semua bahan korekan tidak dibenarkan dilonggok di atas permukaan jalan atau bahu jalan. Bahan tersebut hendaklah dibuang dari kawasan kerja dengan serta-merta selepas pengorekan.
- 2.1.8 Bagi korekan melebihi 1.5 meter kedalaman dan melibatkan tanah yang tidak stabil, struktur penahan yang mencukupi hendaklah disediakan untuk mencegah retakan dan keruntuhan jalan.
- 2.1.9 Pembaikan ke atas permukaan jalan hendaklah dengan menambah crusher run 'B' (60% batu saiz tidak lebih dari 50mm dan 40% habuk kauri) setebal 225mm dimampat sehingga padat serta diturap semula dengan premix setebal 75mm.
- 2.1.10 Bagi korekan di atas permukaan jalan, panel keluli dengan ketebalan sekurang-kurangnya 10 millimeter hendaklah digunakan sebagai penutup sementara. Di bahu jalan yang tidak berturap, agregat/pasir boleh digunakan untuk penutupan sementara.
- 2.1.11 Semua bahan tanah yang dikorek hendaklah dibuang dengan serta merta. Longgokan di bahu jalan dan di atas pavement jalan tidak dibenarkan. **Penggunaan semula bahan korekan adalah dilarang sama sekali.**
- 2.1.12 Semua kerja-kerja pembaikan ke atas tapak jalan(road base) dan pavement hendaklah mengikut ketentuan jalan sedia ada atau mengikut arahan Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Manjung.
- 2.1.13 Pemohon hendaklah memastikan kelebaran jalan yang dibuka untuk lalulintas adalah tidak kurang daripada 4 meter untuk membolehkan jalan dilalui semasa kerja pengorekan dilakukan di atas permukaan jalan.
- 2.1.14 Pembaikan yang tidak memuaskan hendaklah dibuat semula.

2.1.15 Kerja pengorekan jalan pada satu masa adalah tidak dibenarkan melebihi panjang sebagaimana yang dinyatakan seperti yang berikut:

Bil	Utiliti	Jarak maksimum korekan terbuka yang dibenarkan pada satu masa
i	Bekalan Air	100 meter
ii	Elektrik	100 meter
iii	Telekomunikasi	250 meter
iv	Pembentung	100 meter
v	Gas	100 meter
<i>Nota: untuk lain-lain utiliti jarak maksimum adalah tertakluk kepada kelulusan Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Manjung</i>		

2.1.17 Pemohon hendaklah mematuhi syarat-syarat berikut semasa menjalankan kerja di atas jalan:

- a) Gangguan yang minimum kepada lalulintas dan pengguna jalanraya.
- b) Pengawasan yang rapi hendaklah dijalankan semasa kerja ini dijalankan agar permukaan jalan dan bahu jalan tidak rosak
- c) Papan tanda sementara hendaklah mencukupi seperti yang dipersetujui oleh Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Manjung semasa kerja-kerja dijalankan. Semua papan tanda hendaklah dari jenis "Wide Angle Prismatic Fluorescent Orange" atau setaraf dengannya.

- 2.1.18 Papan tanda projek hendaklah disediakan oleh pemohon yang merangkumi maklumat seperti berikut:
- a) Tajuk projek:
  - b) Nama pemohon:
  - c) Jarak projek:
  - d) Tempoh projek:
  - e) No. telefon bimbit 'hotline' pemohon (terima aduan awam)
- 2.1.19 Bagi jalan yang dibuka sehalu, **dua (2) orang** pengawal lalulintas hendaklah ditugaskan dengan menggunakan papan tanda isyarat "**BERHENTI-JALAN**". Penggunaan 'walkie talkie' diwajibkan di kawasan selekoh yang terlindung disamping TMP yang mencukupi.
3. Semua 'road crossing' hendaklah bersudut tepat dengan jalan.
4. **LENCONGAN**
- 4.1 Pihak tuan hendaklah memastikan agar lalulintas (2 laluan) dapat berlalu pada setiap masa ketika kerja-kerja penenaman dijalankan. Jika lencongan jalan diperlukan, ianya hendaklah disediakan bagi tujuan tersebut dengan memastikan kelebaran jalan yang dilencong adalah tidak kurang dari 5 meter lebar untuk membolehkan lalulintas berlalu pada setiap masa. Segala kos perbelanjaan untuk mengadakan lencongan ini adalah ditanggung oleh pihak tuan sendiri. (Rujuk "Arahan Teknik (Jalan) 2C/85)
- 4.2 Kawasan yang digunakan semasa lencongan jalan hendaklah dibersihkan kepada keadaan asal apabila kerja-kerja telah siap.



**SYARAT MPM  
LAMPIRAN ('C')**

**PENGOREKAN DI BAHU JALAN**

**1. SYARAT-SYARAT BAGI PEMOTONGAN TERBUKA (OPEN EXCAVATION) DI BAHU JALAN DAN RIZAB JALAN.**

- 1.1 Hanya satu (1) pemotongan terbuka pada bahu jalan dibenarkan pada setiap satu masa.
- 1.2 Yang Dipertua hendaklah berpuas hati dengan setiap kerja pemulihan yang dilakukan kepada bahu jalan sebelum kebenaran untuk membuat pengorekan yang lain diberi.
- 1.3 Kerja-kerja pemulihan hendaklah dilakukan dengan menambak satu (1) lapisan pasir mengikut keperluan pihak utiliti.
- 1.4 Paip kabel diletak separuh terbenam di atas lapisan pasir tersebut sebelum ianya ditimbus kembali (backfill)
- 1.5 Semua 'backfilling' adalah dari bahan yang diluluskan dan dipadat secara lapisan dengan setiap lapisan 225mm tebal.
- 1.6 Lubang-lubang pengorekan hendaklah disediakan 'shuttering' yang mencukupi untuk mengelak retakan dan keruntuhan jalan.
- 1.7 Semua bahan-bahan yang telah dikorek sekiranya diterima sebagai bahan penambak hendaklah dilonggokkan dengan baik ditepi bahu jalan, dan tidak dibenarkan dilonggok di atas turapan jalan. Bahan korekan yang tidak sesuai hendaklah dituang dari kawasan kerja dengan serta merta selepas pengorekan.
- 1.8 Tindakan segera hendaklah dilakukan ke atas semua kerja pemulihan. Pemulihan yang tidak memuaskan hendaklah dilakukan semula.
- 1.9 Keseluruhan bahu jalan yang dibaiki selepas kerja-kerja penanaman dijalankan bagi menentukan pemulihan semula keseluruhan bahu jalan hendaklah sama rata (flush) dengan keadaan jalan yang sedia ada.

**SYARAT MPM  
LAMPIRAN ('D')**

**KAWALAN TRAFIK/LALULINTAS**

1. Dua orang pengawal papan tanda isyarat BERHENTI – JALAN (STOP-GO PADDLE) disediakan untuk mengawasi lalulintas selorong di setiap tempat di mana pemotongan jalan secara terbuka dijalankan.
2. Papan-papan tanda dan lain-lain alat kawalan lalulintas hendaklah diadakan. Lampu isyarat Amaran Kelip-kelip (flashing warning lamps) yang mengikut piawaian MPM dipasang di tempat yang sesuai untuk memberi amaran dan panduan kepada lalulintas terutamanya di waktu malam.

**TANGGUNGJAWAB DAN TANGGUNGAN**

1. Pihak tuan hendaklah mengemukakan kepada Yang Dipertua satu set lukisan yang menunjukkan turutan pembinaan berperingkat (sequence of construction stages) serta muka keratan bahagian jalan yang terlibat dengan penanaman kabel atau paip.
2. Semua kerosakan kepada harta kerajaan dan lain-lain yang disebabkan oleh pekerjaan tuan. Kontraktor tuan adalah menjadi tanggungjawab tuan sepenuhnya.
3. Tuan akan bertanggungjawab atas segala tuntutan akibat kemalangan yang berlaku pada masa kerja tersebut dijalankan. Oleh yang demikian, kontraktor tuan yang menjalankan kerja dalam rizab jalan mesti memiliki '**Public Liability Insurance Policy**' untuk mengganti rugi (indemnify) Kerajaan.
4. Kerja-kerja 'reinstatement' hendaklah dijalankan oleh pihak tuan mengikut penentuan Majlis Perbandaran Manjung. Sekiranya, pihak Majlis Perbandaran Manjung tidak berpuas hati dengan kerja-kerja tersebut dan pihak kami mengambil tindakan untuk memperbaikinya, segala kos ke atas semua perbelanjaan akan dikenakan ke atas tuan.
5. Sebarang kerosakan terhadap jalan tersebut di dalam masa enam (6) bulan selepas kerja pemulihan jalan dilakukan oleh tuan adalah ditanggung oleh pihak tuan dan jalan tersebut hendaklah dibaiki dengan segera.
6. Jika di masa-masa akan datang, tiang, kabel atau paip itu terlibat dengan kerja-kerja pembesaran / penyelenggaraan jalan tersebut, maka segala perbelanjaan untuk mengalih / mengubahsuai kedudukannya adalah tanggungan pihak tuan sendiri.

**SYARAT MPM  
LAMPIRAN ('E')**

**PENANAMAN PAPAN TANDA / IKLAN**

1. Kawasan simpanan jalan \*Persekutuan / Negeri adalah \*40 meter / 30 meter.
2. Papan tanda / iklan hendaklah diletakkan tidak kurang daripada \*20 meter / 15 meter dari tangan simpanan jalan \*Persekutuan / Negeri yang sedia ada.
3. Papan tanda / iklan tidak boleh didirikan di mana-mana tempat yang boleh menghalang penglihatan dan juga yang boleh mengelirukan pengguna jalan raya yang berada di simpang jalan yang paling dekat.
4. Papan tanda / iklan yang didirikan di dalam lot orang lain, maka surat kebenaran dari tuan punya tanah diperlukan dan dihantar ke pejabat ini.
5. Pemohon adalah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas kerosakan (jika ada) harta awam atau harta persendirian. Semua kerosakan-kerosakan tersebut hendaklah diperbaiki oleh pemohon di atas perbelanjaan sendiri.
6. Tidak dibenarkan menyimpan bahan-bahan binaan di tepi jalan dalam jarak 10.5 meter dari garisan tangan simpanan jalan.
7. Setelah kerja-kerja pemasangan papan tanda / iklan siap, semua bahan-bahan binaan dan sampah sarap yang sedia ada di tempat kerja mestilah dibuang dan dibersihkan oleh pemohon sendiri.
8. Perkataan-perkataan, simbol-simbol dan gambar-gambar yang digunakan dalam papan tanda / iklan tidak boleh mengganggu perhatian pemandu-pemandu.
9. Warna yang digunakan tidak 'reflective' dan tidak dibenarkan didirikan berhampiran dengan papan-papan tanda jalan raya yang sedia ada.
10. Pemohon adalah dipertanggungjawab di atas penyelenggaraan semasa papan tanda ini di dalam kegunaan dan membuka semula jika ianya tidak digunakan lagi.
11. Pemohon hendaklah menanggung segala kos perbelanjaan untuk merobohkan papan tanda / iklan sekiranya MPM mengkehendaki kawasan tersebut untuk melebarkan ataupun membuat lencongan baru ke atas jalan raya yang sedia ada pada bila-bila masa yang akan datang.

12. Bagi jalan-jalan yang tidak diawasi oleh pihak MPM seperti jalan-jalan di Jalan Persekutuan, Jalan, Negeri, Jalan Kampung, kebenaran untuk mendirikan papan tanda / iklan di tepi jalan ini haruslah diperolehi penganjur dari pihak yang berkenaan.
13. Sebelum pemasangan sesuatu papan tanda / iklan dibuat, pemohon adalah dinasihatkan supaya berhubung dengan Yang Dipertua di tempat berkenaan terlebih dahulu.
14. Kerajaan berkuatkuasa membatalkan semua kebenaran untuk pembinaan papan tanda / iklan ini dengan tidak memberi apa-apa amaran jika perlu kelak.

**GARIS PANDUAN PROSEDUR KERJA-KERJA SYARIKAT-SYARIKAT UTILITI  
DI PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN**

**1. TUJUAN**

Garis Panduan ini bertujuan untuk member panduan kepada penyeragaman prosedur pengeluaran permit kerja-kerja pengorekan jalan, bahu jalan dan siar kaki di dalam rizab Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri ke atas syarikat-syarikat utiliti dan swasta dalam melaksanakan kerja-kerja utiliti dan swasta dalam melaksanakan kerja-kerja utiliti yang berkaitan seperti berikut :

- i) Pengorekan secara permohonan biasa;
- ii) Pengorekan kecemasan atau luar jangkaan.

**2. LATAR BELAKANG**

a. Keperluan untuk mengadakan garis panduan ini adalah mengambil kira terdapatnya ketidakseragaman terhadap beberapa prosedur dan kaedah pengeluaran permit sedia ada di PBT Negeri Perak. Prosedur-prosedur yang terlibat untuk diseragamkan bagi kerja-kerja pengeluaran permit pengorekan jalan kepada Syarikat Utiliti dan Swasta adalah seperti berikut :

- i) Permohonan daripada Syarikat Utiliti dan Swasta;
- ii) Lawatan dan Pemeriksaan Tapak;
- iii) Ulasan dan Pengesahan Kelulusan;
- iv) Kadar pengiraan dan caj kos fi untuk kerja pengorekan;
- v) Caj Bayaran Cagaran Permit;
- vi) Tempoh Sah Permit;
- vii) Pemantauan kerja-kerja utiliti;
- viii) Pengeluaran denda kompaun terhadap ketidakpatuhan undang-undang;
- ix) Penampalan/pembaikan semula jalan/bahu jalan/siar kaki/perabot jalan serta kemudahan awam yang lain setelah kerja pengorekan siap.

**3. PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG**

- 3.1 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)
- 3.2 Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172)
- 3.3 Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974 (Akta 133)

**4. PENYERAGAMAN PROSEDUR**

Prosedur pengeluaran permit pengorekan terdiri dari dua (2) kategori prosedur Kerja

**4.1 Kaedah Permohonan Permit Pengorekan Biasa Oleh Syarikat Utiliti Dan Swasta**

Pengorekan Biasa ialah kerja-kerja pengorekan oleh Syarikat Utiliti dan Swasta untuk tujuan pembangunan utiliti yang baru atau kerja-kerja penyelenggaraan dan naik taraf utiliti yang sedia ada di rizab jalan Pihak BerkuasaTempatan (PBT) Negeri Perak.

Syarikat Utiliti dan Swasta terlebih dahulu perlu merancang, menyediakanserta mengemaskinikan program pembangunan terkini dan penyelenggaraan utiliti yang berkaitan sebelum mengemukakan kertas kerja dan pelan induk kepada PBT untuk ulasan dan kelulusan selanjutnya.

Di samping itu juga Syarikat Utiliti dan Swasta juga perlu mematuhi syarat-syarat dan prosedur seperti berikut sebelum permit pengorekan dikeluarkan untuk perlaksanaan kerja-kerja pengorekan dimulakan :-

**4.1.1 Permohonan**

Permohon (Syarikat Utiliti Dan Swasta) perlu kemukakan borangpermohonan lengkap dengan lukisan kerja, lakaran cadangan jajaran pengorekan dan pelan langkah-langkah keselamatan jika perlu untuk pengeluaran permit korekan kepada PBT berkaitan.

4.1.2 Lawatan Tapak

Lawatan tapak bersama wakil Jabatan Kejuruteraan & Penyelenggaraan, Majlis Perbandaran Manjung untuk pengesahan jajaran dan ukuran luas/panjang kawasan yang terlibat dalam permohonan termasuk perancangan langkah-langkah keselamatan yang diambil bagi jajaran korekan yang dipohon.

4.1.3 Ulasan dan Pengesahan

Jabatan Kejuruteraan & Penyelenggaraan, Majlis Perbandaran Manjung akan memberi ulasan, pengiraan kos dan pengesahan serta surat kelulusan keluar permit pengorekan mengikut kriteria laluan dan jajaran pengorekan yang dipohon bersama-sama syarat-syarat tambahan sekiranya diperlukan.

4.1.4 Kadar Kos dan Fi Permit

Notis Kebenaran Mula Kerja-kerja Pengorekan akan dikeluarkan setelah Pemohon membayar bayaran kos dan fi permit pengorekan di Majlis Perbandaran Manjung berkaitan mengikut kadar dan kos seperti berikut :-

**PK-MPM-JKJ-001/RK01(Pin.2/23)**

<b>BIL</b>	<b>JENIS KERJA</b>	<b>KADAR (RM)</b>
1	KOREKAN BAHU JALAN	RM18.00 / METER
2	KOREKAN JALAN BERTURAP (open cut)	RM 100.00 / METER PERSEGI
3	<i>HORIZONTAL DIRECT DRILLING / PIPE JACKING</i>	RM18.00 / METER
4	<i>KOREKAN MICRO TRENCHING</i>	RM 100.00 / METER
5	NAIK TARAF LURANG ( <i>MANHOLE</i> )	RM 50.00 / UNIT
6	BINAAN <i>MANHOLE</i>	RM 100.00 / UNIT
7	PENANAMAN TIANG	RM 50.00 / UNIT
8	<i>FEEDER PILLAR CABINET</i>	RM 100.00 / UNIT
9	<i>TUNNELLING</i>	RM 500.00 / METER
10	<i>TRIAL PIT</i>	RM 100.00 / PIT
11	<i>EXCAVATION PIT</i>	RM 500.00 / PIT
12	<i>TRAFFIC MANAGEMENT PLAN (TMP)</i>	RM 250 / HARI
13	<i>THIRD-PARTY REMEDIAL WORK</i>	Kos sebenar + caj 5%
14	CAGARAN	
	- KERJA KOREKAN UTILITI	RM10,000.00 / PERMOHONAN
	- KERJA KOREKAN UTILITI (BAGI PERMOHONAN KEDIAMAN INDIVIDU)	RM2,000.00 / PERMOHONAN
	- <i>AS-BUILT DRAWING</i>	RM 5,000.00 / SET

**4.1.5 Tempoh Sah Permit**

Tempoh Sah Permit Korekan adalah sah sehingga Enam (6) bulan dari tarikh surat kelulusan permit dikeluarkan. Sekiranya kerja-kerja korekan utiliti tidak dapat disiapkan dalam tempoh permit yang diluluskan, Syarikat Utiliti dan Swasta perlu mengemukakan permohonan lanjutan tempoh permit sekurang-kurangnya **dua (2) minggu** sebelum tamat tempoh permit korekan.



4.1.6 Pemantauan kerja-kerja utiliti yang dilaksanakan

Pihak Majlis Perbandaran Manjung akan melaksanakan pemantauan secara berkala ke atas tapak kerja korekan utiliti dan akan mengadakan siasatan melalui aduan yang diterima dari semasa setelah notis mula kerja telah diterima oleh pemohon.

Kesalahan-kesalahan lazim yang biasa dikenal pasti di tapak adalah:-

- i) Korekan dilaksanakan tanpa kebenaran;
- ii) Melaksanakan kerja tidak mengikut spesifikasi;
- iii) Tiada menyediakan papan tanda keselamatan;
- iv) Tidak mengepung lubang korekan dan membahayakan keselamatan awam.

4.1.7 Pengeluaran denda kompaun terhadap ketidakpatuhan undang-undang

Penguatkuasaan dilaksanakan di bawah Undang-undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan-kesalahan) (PBT Negeri Perak) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 2013 akan dikenakan terhadap ketidakpatuhan undang-undang mengikut Seksyen yang terlibat dalam **Akta 133** iaitu :-

- a) **Seksyen 41** - Langkah berjaga-jaga terhadap kemalangan. Penghadang hendaklah didirikan melintang jalan semasa pembaikan dijalankan dan lampu dipasang pada waktu malam.
- b) **Seksyen 42** - Bahan-bahan tidak boleh diletakkan tanpa kebenaran (Bahan pagar dan lampu atau lubang).
- c) **Seksyen 43** - Tempat-tempat berbahaya hendaklah dibaiki atau dikepung.
- d) **Seksyen 121** - Kemungkinan mematuhi notis Penalti Am.

**4.1.8 Pembaikan, Pemulihan dan Penurapan Semula Korekan Utiliti**

Pihak Syarikat Utiliti dan Swasta dikehendaki menampal/menurap semula/membaiki jajaran korekan utiliti di laluan jalan, bahu jalan dan siar kaki jalan (*Walk Pavement*) mengikut spesifikasi dan arahan Pihak PBT yang berkaitan. Sekiranya terdapat perabot jalan atau jubin pejalan kaki dan kemudahan awam lain yang telah dirosakkan akibat kerja-kerja korekan, ia hendaklah diganti dengan serta merta mengikut spesifikasi yang diluluskan oleh Pihak PBT yang berkaitan. Pihak Syarikat Utiliti dan Swasta juga dikehendaki memastikan kualiti kerja penampalan /penurapan semula jalan dengan baik dan memuaskan di jajaran laluan jalan / bahu jalan korekan setelah selesai aktiviti menambak semula korekan.

Segala skop kerja korekan termasuk kos kerja pembaikan/penurapan semula, gantirugi ke atas kerosakan kemudahan awam adalah dibiayai oleh Syarikat Utiliti dan Swasta serta mengikut spesifikasi dan kualiti yang ditetapkan oleh Pihak PBT.

Sekiranya pihak Syarikat Utiliti dan Swasta gagal untuk mengambil tindakan terhadap ketidaksempurnaan pembaikan/turapan yang dijalankan seperti yang ditetapkan, pelepasan Wang Cagaran akan ditahan sehingga kerja-kerja pembaikan semula disempurnakan sepenuhnya dan diluluskan oleh Pihak PBT.

**4.2 Korekan Kecemasan Atau Korekan Di Luar Jangkaan**

Pengorekan Kecemasan ialah kerja-kerja pengorekan yang dijalankan oleh Syarikat Utiliti (*Tenaga Nasional Berhad, Lembaga Air Perak dan Telekom Malaysia Berhad, Indah Water Konsortium*) tanpa proses permohonan permit daripada PBT di mana kerja-kerja pengorekan dilaksanakan tanpa dirancang dan perlu diadakan serta merta untuk kepentingan awam. Contohnya seperti kerosakan bekalan paip air utama yang melibatkan gangguan kepada pembekalan air kepada pengguna dan keperluan untuk kerja-kerja pengorekan wajib dijalankan serta merta untuk pembaikan. Pihak syarikat utiliti perlu mematuhi syarat-syarat dan prosedur seperti berikut:-


4.2.1 Setiap Syarikat Utiliti yang mempunyai rangkaian sambungan utiliti seperti sesalur, paip bekalan air, paip buangan, paip kumbahan, kabel/talian, tiang pencawang atau sebagainya yang merentangi kawasan rizab PBT hendaklah meletakkan Wang Cagaran pendahuluan sebanyak nilai minimum RM20,000.00 atau mengikut kepada nilai semasa di kawasan PBT berkaitan.

Wang Cagaran ini perlu ditambah semula mengikut jumlah nilai yang di caj PBT untuk pembaikan semula jika terdapat kecacatan dan kekurangan di kerja-kerja penampalan semula korekan yang dilakukan oleh Syarikat Utiliti.

## **PK-MPM-JKJ-001/RK01(Pin.2/23)**

- 4.2.2 Syarikat Utiliti hendaklah menghubungi dan memaklumkan kepada Pihak PBT terlebih dahulu kedudukan dan waktu korekan sebelum pengorekan kecemasan dimulakan.
- 4.2.3 Ukuran keluasan dan panjang serta pelan atau lakaran pengorekan perlu dikemukakan kepada pihak PBT setelah siap pengorekan dan satu pengukuran semula bersama akan diadakan untuk pengesahan.
- 4.2.4 Prosedur kelulusan permit pengorekan masih mengikut kerja-kerja pengorekan biasa seperti pengukuran semula bersama dengan PBT untuk kelulusan permit dan jumlah kos serta fi yang dikenakan dengan kadar yang sama tetapi caj wang cagaran tidak akan dikenakan ke atas kerja-kerja korekan kecemasan.

CARTA ALIR PERMOHONAN PERMIT PENGOREKAN JALAN



Petunjuk :-  
PJ - Penolong Jurutera Awam  
PT - Pembantu Tadbir (Pengkeranian/Operasi)

**PROSES KERJA BAGI PERMOHONAN PERMIT PENGOREKAN JALAN**

Jawatan	Proses Kerja
PT(P/O)	Menerima permohonan daripada LAP/TNB/Telekom/IWK/Swasta dan merekodkan di dalam buku untuk mengeluarkan no. fail permit pengorekan dan memajukan kepada PT.  Membuka fail permit pengorekan dan memajukan kepada PJ.
PJ	Melaksana lawatan tapak bersama pemohon untuk menyemak laluan, mengambil sukatan dan gambar yang berkaitan untuk penyediaan kiraan fi yang terlibat dan dikemukakan kepada PJ (KB).
KB	Menyemak semula permohonan dan mengesahkan laluan dan kiraan fi permit dan memajukan kepada KJ untuk tindakan lanjut.
P	Menyemak semula laluan dan kiraan fi dan meluluskan permohonan untuk pengeluaran surat pemakluman.
PT(P/O)	Mengeluarkan surat pemakluman dan cetak bil permit untuk dimajukan kepada pemohon untuk proses bayaran.
Pemohon	Membuat bayaran di kaunter.
PT(P/O)	Mengeluarkan permit korekan dan kemukakan kepada pemohon dalam tempoh 3 hari.

Petunjuk :-


P - Pengarah

KB - Ketua Bahagian

PJ - Penolong Jurutera Awam

PT - Pembantu Tadbir (Pengkeranian/Operasi)

**CARTA ALIR PEMANTAUAN PERMIT PENGOREKAN JALAN**



## PROSES KERJA PEMANTAUAN PERMIT PENGOREKAN JALAN

Jawatan	Proses Kerja
<b>PT(P/O)</b>	Terima aduan/buka fail siasatan.
<b>PJ</b>	<p>Siasatan tapak dibuat berdasarkan jadual pemantauan, aduan dan lain-lain. Siasatan perlulah dilaksanakan secara berdua atau lebih untuk mengukuhkan pembuktian kesalahan dalam penyediaan laporan siasatan dan kertas siasatan untuk proses pendakwaan.</p> <p>Sekiranya terdapat kesalahan, sedia dan serah kompaun kepada orang kena kompaun (OKK). (Seksyen 40,41,42 &amp; 43).</p> <p>Sediakan laporan siasatan tapak yang lengkap dan kepilkan satu salinan kompaun ke dalam fail siasatan untuk rekod jabatan.</p> <p>Sediakan notis peringatan/notis berhenti kerja kepada OKK untuk mematuhi syarat dan spesifikasi dan diberi tempoh tertentu untuk pematuhan (Seksyen 118).</p>
<b>PT(P/O)</b>	Semak semula rekod jabatan sama ada kompaun telah dijelaskan atau tidak berdasarkan tempoh yang dinyatakan.
<b>PJ</b>	Menyediakan kertas siasatan untuk tindakan lanjut sekiranya kompaun masih tidak dijelaskan melebihi tempoh.
<b>KB</b>	Semak kertas siasatan untuk pengesahan.
<b>SUP / P</b>	Mengesyorkan tindakan pendakwaan ke atas OKK ke Unit Undang-Undang dan Integriti.
<b>UUI</b>	Melaksanakan proses pendakwaan ke Mahkamah.

Petunjuk :-

SUP - Setiausaha Perbandaran

P - Pengarah

KB - Ketua Bahagian

PJ - Penolong Jurutera Awam

PT - Pembantu Tadbir (Pengkeranian/Operasi)

UUI - Unit Undang-Undang dan Integriti